

## **BAB 6 - PELAWAAN DAN PENERIMAAN TENDER**

### **6.1 Pendahuluan**

- 6.1.1 Tender mestilah dipelawa untuk melaksanakan kerja-kerja yang kosnya dianggarkan melebihi RM500,000<sup>1</sup>. Perubahan had nilai ini juga berkuat kuasa kepada tender yang diuruskan melalui sistem ePerolehan (eP). Prosedur pelawaan tender adalah bergantung kepada sumber pembiayaan, keadaan dan kos kerja tersebut.
- 6.1.2 Sumber pembiayaan adalah penentu utama prosedur menender yang perlu diamalkan. Jabatan hendaklah memastikan terlebih dahulu bahawa Anggaran Peruntukan Pembangunan bagi perolehan yang berkenaan telah diluluskan. Kerja yang dibiayai melalui pinjaman dari institusi peminjam antarabangsa seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia adalah tertakluk kepada syarat-syarat pinjaman dan aturcara perolehan yang ditentukan oleh mereka.
- 6.1.4 Bab ini tidak akan menghuraikan prosedur perolehan institusi peminjam antarabangsa, atau prosedur berkaitan pelaksanaan kontrak-kontrak antarabangsa dan pra-kelayakan kontraktor. Prosedur yang dihuraikan dalam bab ini dan bab-bab lain adalah mengenai kerja-kerja biayaan tempatan sahaja.

### **6.2 Kelayakan Kontraktor-Kontraktor Untuk Menender**

- 6.2.1 Untuk layak menender, kontraktor hendaklah berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM).
- 6.2.2 Kontraktor-kontraktor didaftarkan di bawah kelas pendaftaran yang berbeza berdasarkan keupayaan kewangan mereka dan diberikan beberapa kepala-kepala dan subkepala pendaftaran bergantung kepada kepakaran teknikal dan pengalaman mereka. Kelas pendaftaran kontraktor bangunan, kejuruteraan

---

<sup>1</sup>Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5/2009 bertarikh 24 Februari 2009.